

31 JUL 1997

Lesotho-Kedutaan

LESOTHO AKAN BUKA KEDUTAAN DI MALAYSIA

Oleh: R.Ravichandran

LANGKAWI, 31 Julai (Bernama) -- Kerajaan Lesotho di Afrika akan membuka kedutaan di Malaysia menjelang hujung tahun ini, kata Timbalan Perdana Menteri Prof Pakalitha Mosisili.

"Kami melihat Malaysia sebagai model yang penting...Malaysia telah menjadi nadi perdagangan dan ekonomi yang penting di rantau ini yang kami boleh contohi," katanya kepada Bernama.

Prof Mosisili, yang berada di sini untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi yang berakhir semalam, akan memulakan lawatan rasmi empat hari ke Malaysia esok.

Beliau berkata Lesotho pada masa ini mempunyai pejabat kedutaan di 10 negara

- Belgium, Britain, China, Denmark, Mesir, Ethiopia, Jerman, Itali, Afrika Selatan, Amerika Syarikat dan sebuah pejabat perwakilan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Dutanya ke China juga ditauliahkan ke Malaysia, katanya.

Prof Mosisili berkata penubuhan pejabat kedutaan di sini akan menggalakkan perdagangan di antara Lesotho dan Malaysia kerana pada masa ini kedua-dua negara tidak mempunyai sebarang hubungan perdagangan secara terus.

"Ia akan juga membantu para pelabur Malaysia untuk mengenal pasti potensi pelaburan di Lesotho dan mewujudkan kerjasama antara kedua-dua negara," katanya.

Prof Mosisili turut menyifatkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai seorang pemimpin yang berwawasan dan unggul.

"Kami boleh belajar dari pengalaman Malaysia dan dasar-dasar pembangunan di bawah kepimpinan Dr Mahathir," katanya.

Lesotho, yang mempunyai penduduk seramai dua juta orang dan mempunyai keluasan 30,355 km persegi, mempunyai ciri-ciri unik kerana dikelilingi sepenuhnya oleh Afrika Selatan. Ia merupakan antara tiga negara di Afrika yang masih mengamalkan sistem beraja.

-- BERNAMA

RV AKD